

JAMINAN SEMUA MURID MENDAPAT AKSES PENDIDIKAN BERKUALITI

Y.B DR. MASZLEE MALIK

Kementerian Pendidikan akan berusaha sedaya upaya dalam memastikan semua murid di negara ini menerima akses kepada pendidikan berkualiti, tanpa mengira lokasi mereka tinggal atau bersekolah. Dr Maszlee Malik berkata perkara berkenaan penting bagi membolehkan semua murid sama ada di kawasan bandar mahu pun pedalaman berjaya dalam pelajaran, kokurikulum dan sukan.

Beliau gembira melihat anak-anak kita walaupun di kampung tetapi pencapaian mereka ada yang sampai peringkat mewakili daerah dan negeri. Ini menunjukkan di mana kita berada, kita mampu berjaya.

Beliau pada masa sama, berharap ibu bapa atau penjaga supaya sentiasa mengambil berat hal anak masing-masing agar sahsiah mereka sentiasa terpuji. Sementara itu, ketika melawat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tah Tong, di sini, Maszlee berkata program integrasi dan seni budaya dalam kalangan murid perlu diperluaskan di semua sekolah di negara ini bagi membentuk perpaduan.

Sewaktu lawatan itu, beliau kagum dengan persembahan komping oleh murid di SJKC itu, sekali gus menunjukkan mereka menghargai seni budaya pelbagai kaum di negara ini. “Kita biasa melihat tarian singa dipersembahkan oleh kumpulan pelajar Melayu dan India, tetapi di SJKC ini ada kumpulan komping.

Pelaksanaan program integrasi budaya akan diperbanyakkan di sekolah KPM bagi mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Program ini telah dilaksanakan di SJKC Tah Tong yang berusia 94 tahun dengan jayanya. Sekolah ini mempunyai 393 murid dan 27 guru dengan 18 muridnya berketurunan Melayu.

Maszlee kemudiannya mengadakan dialog dengan guru-guru di daerah Pontian dan merasmikan Program Assalamualaikum YB yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pontian, Johor. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memaklumkan program ini melibatkan 300 guru. Program ini dilaksanakan bagi memberi penerangan berkaitan dasar-dasar pendidikan terkini dan pembentangan pencapaian kementerian bagi 2019 kepada para guru.

“Dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan telus dan sentiasa berorientasikan guru, Menteri Pendidikan akan selalu turun untuk berdialog dengan mereka secara langsung dan berterusan. Komitmen kementerian adalah untuk memastikan dasar pendidikan sampai dan dilaksanakan di peringkat guru dengan jayanya,” katanya.



Sumber : Bernama, 10 November 2019